


0248 -
13060



KERTAS KERJA

KONGRES CENDEKIAWAN MELAYU ' IV

TEMA
MEMBINA BANGSA MALAYSIA
28 dan 29 JULAI 1995
Dewan Bankuasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangl.

Bersempena Sambutan 25 Tahun:
Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA)
Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ANJURAN
BADAN KERABAT KCM
dengan kerjasama
DEWAN BAHASA dan PUSTAKA

MEMBINA BANGSA MALAYSIA DARI PERSPEKTIF SARAWAK

*Ucapan Utama oleh Tan Sri Datuk Patinggi Amar Haji Taib Mahmud
Ketua Menteri Sarawak*

1. PENGENALAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk membincang dan berkongsi pandangan dan idea dalam usaha kita membina Bangsa Malaysia di negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa dan agama. Sebelum membicarakan tajuk ini dengan lebih mendalam lagi, elok kiranya ditinjau kembali latar belakang kewujudan negara Malaysia serta apakah yang dimaksudkan dengan konsep bangsa Malaysia.

2. DEFINISI BANGSA MALAYSIA

Bangsa atau "race" itu sendiri adalah satu konsep yang luas pengertiannya yang selalunya tidak terbatas kepada sempadan politik sesebuah negara. Bagi pakar-pakar sains politik dan sejarawan, bangsa biasanya merujuk kepada satu kumpulan masyarakat yang mempunyai keterikatan kepada satu bahasa, nilai hidup, budaya, cita-cita dan destinasi bersama. Lazimnya wujud perasaan kekitaan apabila berhadapan dengan orang berbangsa lain. Perasaan kekitaan dan "loyalty" kepada bangsa sendiri melintasi (*transcends*) sempadan politik sesebuah negara. Misalnya jika kita bercakap tentang "Bangsa Melayu" hanya juga meliputi masyarakat Melayu di luar Malaysia yang tergaung di bawah satu rumpun yang terdapat di Asia Tenggara yang dulunya tertakluk di

bawah takhta kerajaan Sri Vijaya. Wujudnya bangsa Melayu yang tersebar begitu luas di Asia Tenggara adalah melalui satu proses yang mengambil masa begitu lama (beratus-ratus tahun) dengan mencantumkan/menyatukan berbagai-bagai masyarakat dan kaum yang dulunya terpencil di merata-rata wilayah di Asia Tenggara. Begitu juga halnya dengan proses membentuk bangsa Cina daripada berbagai suku kaum di benua China: proses ini juga memakan masa beratus-ratus tahun lamanya. Sejarah takhta Sri Vijaya dan negara China telah membuktikan bahawa satu bangsa yang baru boleh dibina daripada berbagai rumpun bangsa dan kaum mengikut sempadan politik. Apa yang diperlukan ialah strategi yang efektif dan masa untuk melaksanakannya.

Negara Malaysia mulai wujud dengan terbentuknya Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Negara Malaysia adalah unik kerana hanya dibentuk dari gabungan beberapa buah wilayah yang dulunya ditadbir oleh British. Tiap-tiap satu wilayah, terutama Sarawak dan Sabah mempunyai pelbagai kaum/etnik yang masing-masingnya mempunyai bahasa ibunda, amalan budaya, kepercayaan, keperibadian dan identiti tersendiri. Di Sarawak saja, misalnya, terdapat tidak kurang dari 20 suku kaum selain dari Melayu, Melanau, Iban dan Cina. Tiap-tiap suku kaum mempunyai bahasa ibunda, adat

resam dan cara hidup tersendiri. Malah perasaan ketiadaan di kalangan setiap suku kaum masih meluas. Oleh yang demikian, bangsa Malaysia dalam erti kata yang luas (iaitu "race") tidak wujud semasa negara Malaysia ditubuhkan. Jadi tugas kita ialah untuk membina satu bangsa Malaysia dengan rakyatnya mempunyai rasa taat setia kepada raja dan negara, dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.

3. PEMBINAAN BANGSA MALAYSIA

Pembinaan bangsa Malaysia seperti yang diinginkan merupakan satu proses yang berterusan dan memerlukan perancangan yang rapi. Usaha-usaha untuk membina satu rakyat Malaysia yang bersatu padu tidak harus dilihat dalam konteks sosiobudaya dan politik sahaja. Peristiwa rusuhan kaum yang meletus pada 13 Mei 1969, iaitu enam tahun selepas pembentukan Malaysia, jelas menunjukkan bahawa jurang perbezaan sosioekonomi boleh menggugat kestabilan politik dan perpaduan negara. Oleh sebab itulah, maka Dasar Ekonomi Baru yang memberi tumpuan kepada penyusunan semula masyarakat dan membasmi kemiskinan khususnya di kalangan bumiputera adalah bertujuan untuk menyatupadukan rakyat. Sehingga kini strategi pembangunan dan usaha-usaha bersifat multidimensional (sosial, budaya, politik, ekonomi) masih diteruskan dan dikekalkan bagi memantapkan lagi perpaduan rakyat Malaysia sebagai "prerequisite" untuk membina bangsa Malaysia daripada "diversity" yang wujud semasa merdeka. Dasar Pembangunan Negara yang mengambil tempat DEB juga memberi tekanan kepada pembangunan yang seimbang demi perpaduan rakyat.

Memetik ucapan daripada Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia semasa membentangkan kertas kerja "Malaysia Melangkah Ke Hadapan" di Majlis Persidangan Perdagangan Malaysia. "Bangsa itu mestilah sejahtera, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak

dan keadilan, membentuk sebuah Bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut".

Dari aspek sosiobudaya pula, teras kepada pembinaan bangsa Malaysia ialah budaya Melayu di mana bahasa Melayu dan agama Islam masing-masingnya dijadikan bahasa dan agama rasmi negara: walau bagaimanapun penggunaan bahasa dan amalan agama kaum lain tidak dihadkan. Demikian juga kebudayaan Melayu dijadikan teras kebudayaan kebangsaan, dan unsur-unsur unik dan berguna dari kebudayaan kaum lain perlu diserapkan untuk memperkayakan kebudayaan Malaysia. Kewujudan pelbagai suku kaum etnik di Sarawak dan Sabah dengan budaya masing-masing yang unik sudah tentu akan menambah "warna" kepada budaya Malaysia bolehlah diumpamakan sebagai sebuah sungai yang besar (yang sudah tentu mempunyai sifatnya tersendiri) di mana pelbagai anak sungai mengalir; seterusnya unsur-unsur baik yang mengalir dari anak-anak sungai berkenaan akan bercampur aduk dengan unsur yang terdapat di sungai besar untuk membentuk satu cantuman (atau budaya) yang baru. Sudah tentu ramuan yang baru itu akan menjadi lebih baik daripada yang sedia ada di sungai besar dan anak sungai masing-masing. Demikian jugalah dengan budaya Malaysia yang berteraskan budaya Melayu dan akan mengintegrasikan "element" dari suku-suku kaum lain yang terdapat di negara ini.

Dari penjelasan di atas, bangsa Malaysia adalah gabungan pelbagai kaum yang bersatu padu di bawah satu identiti, bahasa, cita-cita yang dikongsi bersama, semangat kemalayaan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi seperti termaktub dalam Rukun Negara

4. BANGSA MALAYSIA DARI PERSPEKTIF SARAWAK

Sejarah politik Sarawak tidak jauh bezanya dengan Tanah Melayu kerana kedua-duanya pernah dijajah oleh British yang terkenal

dengan dasar pecah dan perintah (*divide and rule*). Dasar ini telah menyebabkan wujudnya perbezaan taraf sosioekonomi antara kaum di Sarawak dan pengasingan kaum.

Namun demikian, kita telah dapat memupuk keharmonian di antara kaum, dan tinggal dalam suasana yang aman damai. Keharmonian dan kedamaian ini adalah berasaskan "mutual respect" dan sikap liberal dan mahu berkompromi yang terdapat di kalangan rakyat Sarawak yang berbilang kaum. Sifat dan sikap yang ingin hidup bersama dan bertolak ansur adalah satu-satunya fakta yang boleh disumbangkan oleh rakyat Sarawak kepada usaha kita membina bangsa Malaysia.

Sesungguhnya, menyatupadukan penduduk Sarawak yang terdiri daripada lebih 20 suku kaum bukanlah satu perkara yang mudah. Di samping itu saiz negeri yang luas dan penempatan yang berselerak serta terasing kerana kekurangan kemudahan infrastruktur/komunikasi merupakan cabaran bagi pemimpin Sarawak untuk menyatupadukan rakyat Sarawak dan mengagihkan nikmat pembangunan. Sungguhpun demikian, saya yakin matlamat murni ini boleh dicapai.

Perpaduan dan kestabilan politik yang kita saksikan di Sarawak dan juga di Malaysia pada hari ini, adalah manifestasi daripada peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin politik dari pelbagai kaum. Politik yang berasaskan perkauman semata-mata bukanlah satu pendekatan yang berkesan dalam masyarakat majmuk seperti Sarawak. Menyadari akan bahayanya politik perkauman, **konsesus** perlu diwujudkan. Ekoran dari kesedaran ini, terbentuklah gabungan parti politik. **Sarawak Alliance** pada pilihan raya umum pertama di Sarawak. Ini digantikan pula dengan gabungan baru. **Barisan Nasional** peringkat Negeri yang dianggotai oleh **PBB, SUPP, SNAP** dan **PBDS** yang sehingga kini masih mampu menerajui pentadbiran negeri ini. Di peringkat Pusat pula, empat buah parti berkenaan diterima menganggotai Barisan Nasional - ini adalah satu petanda baik bagi integrasi

nasional dari segi politik negara.

Seperti yang telah saya sebutkan sebelum ini, pembinaan bangsa Malaysia, khususnya budaya Malaysia dari perspektif Sarawak, perlulah diibaratkan seperti anak-anak sungai yang mengalir ke sebuah sungai yang besar (*confluence of rivers*). Ianya tidak seharusnya disamakan kepada pembinaan Bangsa Malaysia seperti di Semenanjung Malaysia yang struktur penduduk tidaklah sebegitu kompleks seperti di Sarawak. Dalam hal ini unsur-unsur yang murni dan berguna yang terdapat dalam budaya suku kaum di Sarawak haruslah diambil kira dalam memberi identiti kepada rupa bentuk budaya Malaysia secara keseluruhan. Saya percaya perkara ini sudah pun berlaku; misalnya tarian ngajat dari suku kaum orang Iban dan tarian panjang (*long dance*) dari suku kaum Orang Ulu sudah pun diterima oleh masyarakat Malaysia di seluruh negara. Dalam bidang bahasa pula, beberapa istilah/perkataan dari bahasa suku kaum lain telah diterima pakai ke dalam bahasa Malaysia. Usaha-usaha seperti di atas haruslah diperhebatkan lagi sebagai usaha berterusan. Di sini saya ingin cadangkan supaya satu kajian dibuat oleh universiti-universiti tempatan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak ke atas unsur-unsur budaya suku kaum di Sarawak untuk dijadikan bahan bagi memperkayakan budaya Malaysia.

Keutuhan perpaduan dan kestabilan politik tidak akan berkekalan selagi masih terdapat jurang perbezaan sosioekonomi antara kaum dan di antara rakyat di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, strategi pembangunan sosioekonomi negeri Sarawak yang memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan dengan memperbaiki taraf pendapatan dan taraf hidup rakyat serta penyediaan/pembaikan infrastruktur dan khidmat sosial haruslah diberi sokongan yang kuat oleh kerajaan Pusat. Untuk tujuan pembangunan, kerajaan Negeri yang saya pimpin telah melpatgandakan peruntukan kewangan tiap-tiap tahun. Malah bagi Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan kerajaan negeri telah

melebihi peruntukan kerajaan Persekutuan dengan nisbah 1.5 : 1. Peruntukan yang besar sedemikian adalah bertujuan untuk mempercepatkan tempo pembangunan di Sarawak supaya rakyat dan negeri ini tidak jauh ketinggalan di belakang negeri-negeri yang sudah maju di Semenanjung.

Di samping itu, usaha untuk menggalakkan rakyat Malaysia dari Semenanjung melawat ke Sarawak dan Sabah haruslah dipertingkatkan supaya mereka dapat mengenal satu sama lain dan memahami aspek-aspek sosiobudaya masing-masing. Walaupun lawatan sedemikian sudah wujud, namun kebanyakan mereka yang melawat adalah terdiri dari kakitangan kerajaan, ahli pasukan bersenjata dan murid-murid. Lawatan oleh orang biasa, seperti golongan petani dan pekerja buruh, masih berkurangan. Di sini saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dan majikan menggalakkan rakyat Malaysia dari Semenanjung Malaysia melawat Sarawak dan Sabah dan sebaliknya dengan memberi insentif berbentuk subsidi atau mengadakan tambang murah kapal terbang. Sehubungan dengan ini, mungkin perlu kita meninjau kembali konsep Feri Malaysia untuk dijadikan jambatan penghubung di antara tiga-tiga wilayah.

Institusi Pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu selain daripada berilmu, berpandangan jauh dan kreatif. Perasaan kekitaan di kalangan pelajar-pelajar berbilang kaum perlu dimulakan di peringkat sekolah lagi melalui pewujudan sekolah-sekolah yang terdiri dari pelajar berbilang kaum khususnya sekolah berasrama.

Di sini saya ingin mengesyorkan agar tiap-tiap Yayasan Negeri memberi biasiswa kepada pelajar dari Sabah dan Sarawak untuk menuntut di sekolah di negeri-negeri di Semenanjung dan menghantar pelajar-pelajar dari negeri-negeri di Semenanjung dan menghantar pelajar-pelajar dari negeri-negeri di Semenanjung untuk menuntut di Sabah dan Sarawak. Pada masa ini Yayasan Sarawak ada menyediakan beberapa biasiswa untuk pelajar-pelajar dari Semenanjung

dan Sabah untuk menuntut di Sarawak; dan Sarawak serta Sabah memberi biasiswa kepada anak-anak di Semenanjung belajar di Sarawak dan Sabah. Usaha-usaha seumpama ini akan dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar berinteraksi serta mengenali dengan lebih dekat lagi budaya tempatan. Keadaan ini seterusnya akan dapat memupuk semangat kekitaan di kalangan pelajar berbilang kaum yang pada satu masa nanti akan menjadi pemimpin negara ini.

Saya merasa bersyukur bahawa rakyat di Sarawak telah dapat menerima bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi/pengantar di sekolah-sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi. Di samping itu juga, telah mulai wujud asimilasi budaya Melayu dalam beberapa aspek di kalangan kaum-kaum lain. Umpamanya, mereka telah mulai menggunakan baju kurung dan kebaya Melayu tanpa merasa kekod di khalayak ramai. Begitu juga dari segi kebudayaan di mana mereka boleh mempersembahkan tarian Melayu dengan baik di majlis-majlis rasmi. Amalan moral/akhlak yang baik yang berteraskan Islam tidak menjadi masalah untuk diterima oleh masyarakat lain kerana setiap agama menganjurkan kepada kebaikan. Pada masa yang sama masyarakat Melayu juga telah dapat menerima budaya dan amalan kaum-kaum lain yang tidak bertentangan dengan Islam. Senario seperti di atas merupakan asas dan petanda baik ke arah membentuk bangsa Malaysia yang beridentiti di kalangan generasi akan datang. Bagi mempercepatkan proses pembentukan bangsa Malaysia sepenuhnya, usaha multidimensional dari segi sosiobudaya, sosioekonomi, dan politik hendaklah dilipatgandakan.

lanya hendaklah mengambil kira unsur-unsur budaya tempatan (yang boleh diseraikan ke dalam Kebudayaan Kebangsaan) dan sensitiviti kaum-kaum lain. Dengan cara begini, Budaya Kebangsaan walaupun bertekankan budaya Melayu akan diperkayakan lagi oleh unsur-unsur budaya tempatan Sarawak dan Sabah. Hasilnya terbentuklah satu Budaya Kebangsaan yang mencerminkan kepelbagaian kaum dan budaya di negara ini.